

| | | | |
|------------|---------------|---------|-----------|
| TARIKH | 18 / 9 / 2013 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 18 | RUANGAN | Setempat. |

Perjalanan naik jambatan tawaf bertingkat



CATATAN DARI MAKAH
Badriah Jamilus

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Mungkin ini satu kebetulan atau diizinkan Allah, buat pertama kali saya dapat menaiki jambatan tawaf bertingkat atau mataf dibina kerajaan Arab Saudi setinggi 13 meter dan 12 meter lebar dikhususkan untuk golongan warga emas, kelainan upaya dan jemaah uzur yang terpaksa tawaf menggunakan kerusi roda.

Kewujudan jambatan ini melancarkan pergerakan tawaf yang sebelum ini mungkin terjejas akibat kewujudan kerusi roda mengganggu jemaah lain sehingga kadang-kadang mengakibatkan kemalangan dan kesakan teruk.

Perasaan apabila berada di atas jambatan ini mengujakan walaupun kelihatan agak gemetar dengan ketinggian melebihi ketinggian bangunan Kaabah itu. Saya sendiri berasakan

cukup 'puas' kerana dapat melihat Kaabah dari sudut 360 darjah yang jarang sekali dapat dirasai jemaah lain.

Untuk tiba di jambatan itu memerlukan kesabaran tinggi, bukan saja perlu berjalan jauh kerana ia terletak di tingkat dua bangunan masjid, tetapi perlu meniti di atas pelantar khas yang

disediakan sambil menyumbat ruang solat.

Jambatan itu tidak dibuka sepanjang masa kerana ia bergantung kepada jumlah jemaah yang tawaf di bahagian bawah.

Sememangnya cadangan menaiki jambatan itu tidak dirancang, tetapi muncul tiba-tiba ketika kami dalam perjalanan menunaikan so-

lat Maghrib dan selepas mencari laluan ke arah jambatan itu, kami tiba 15 minit sebelum waktu solat dan merakam pelbagai sudut gambar menarik termasuk ketika jemaah masjid bertusu-pusu mencium Hajar Aswad.

Rupanya ramai juga jemaah sanggup bersusah payah berjalan menaiki pelantar untuk menunaikan solat di atas jambatan ini yang mampu memuatkan sekurang-kurangnya

10 saf jemaah.

Ramai mengambil kesempatan mengambil gambar kenangan dan satu insiden berlaku di depan mata benar-benar mendebarikan.

Nasib baik seorang anggota polis Arab melarang jemaah wanita dari negara asing yang tiba-tiba memamat besi penghadang jambatan itu.

Begitulah sikap segelintir jemaah kadang-kadang agak pelik dilihat berlaku di depan mata dan semoga perkara ini tidak berlaku ke pada jemaah Malaysia.

FAKTA
Jambatan tidak dibuka sepanjang masa kerana bergantung kepada jumlah jemaah tawaf di bahagian bawah